

**PERATURAN PERTANDINGAN PERTANDINGAN FOTOGRAFI  
MOSTI 2021: MALAYSIA PRIHATIN  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

Peraturan pertandingan adalah seperti berikut:

1. Penyertaan adalah **PERCUMA dan terbuka kepada semua warga Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) termasuk jabatan dan agensi di bawahnya**. Setiap bahagian/agensi **WAJIB** menghantar sekurang-kurangnya **satu (1) penyertaan**.
2. Tema pertandingan adalah **MALAYSIA PRIHATIN**. Interpretasi para peserta adalah bebas selagi tidak terkeluar dari tema asas Sambutan Hari Kebangsaan & Hari Malaysia 2021.
3. Setiap peserta dibenarkan menghantar **maksimum lima (5) penyertaan**. Gambar yang diambil hendaklah dengan menggunakan kamera DSLR atau kamera smartphone/tablet dan di e-mel kepada Sekretariat Pertandingan melalui e-mel **[pertandinganfotomosti@gmail.com](mailto:pertandinganfotomosti@gmail.com)** .
4. Gambar tersebut perlulah dalam format **JPEG**, beresolusi tinggi (400dpi) dengan saiz gambar yang tidak melebihi 10 MB.
5. Semua gambar penyertaan mestilah asli, merupakan idea sendiri dan tidak mengandungi elemen pengubahsuaian. Pihak penganjur berhak untuk menolak penyertaan atau menarik balik hadiah yang diberikan sekiranya didapati hasil karya adalah tidak asli.
6. Setiap penyertaan hendaklah disertakan perkara di bawah semasa menghantar permohonan ke [pertandinganfotomosti@gmail.com](mailto:pertandinganfotomosti@gmail.com)
  - 6.1.1.1 Nama Penuh:
  - 6.1.1.2 Nombor Kad Pengenalan:
  - 6.1.1.3 Nama Jabatan, Bahagian atau Agensi:
  - 6.1.1.4 Nombor Telefon:
7. Tempoh penyertaan adalah bermula pada **13 Ogos 2021 hingga 31 Ogos 2021**. Penyertaan mestilah sampai selewat-lewatnya kepada Sekretariat Pertandingan pada jam 11.59 malam, 31 Ogos 2021.
8. Gambar-gambar yang dihantar akan disaring oleh Unit Komunikasi Korporat. 10 gambar terbaik akan disiarkan di Facebook MOSTI bermula 3 September 2021 hingga 10 September 2021. Pemenang dan kedudukan pertandingan akan ditentukan menerusi **jumlah like pada hantaran foto di FB MOSTI sehingga pukul 11.59 malam pada 10 September 2021**.

9. Hak cipta gambar adalah hak milik penganjur. Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap apa jua bentuk tuntutan berkaitan dengan gambar terhadap peserta oleh mana-mana pihak berkenaan.
10. Penyertaan dibatalkan serta merta sekiranya gambar yang dihantar pernah memenangi atau menyertai pertandingan-pertandingan fotografi yang lain.
11. Sebarang pertanyaan berkenaan pertandingan, boleh dipanjang ke e-mel **pertandinganfotomosti@gmail.com** atau berhubung dengan **Encik Khairoul Hussen** di talian **03-8885 8822**, **Puan Nurul Liyana Kamaruddin** di **03-8885 8085** atau **Encik Mohd Shafiq Foziman** di **019-297 7097**.